

## DINAMIKA RIDO: SATU KAJIAN AWAL TERHADAP FAKTOR-FAKTOR PERTELINGKAHAN INTRA DAN INTER-ETNIK DI SELATAN FILIPINA

RIDO Dynamics: A Preliminary Study of the Factors of Intra and Inter-Ethnic Conflict in The Southern Philippines

Norizan Kadir

Bahagian Sejarah, Pusat Pengajian Pendidikan Jarak Jauh  
Universiti Sains Malaysia, Gelugor, Pulau Pinang, Malaysia

**Correspondence:** norizan.kadir@usm.my

**Published:** 27 June 2023

**To cite this article (APA):** Kadir, N. (2023). RIDO Dynamics: A Preliminary Study of the Factors of Intra and Inter-Ethnic Conflict in The Southern Philippines: Dinamika RIDO: SATU kajian awal terhadap faktor-faktor pertelingkahan intra dan inter-etnik di Selatan Filipina. *Munsysi Jurnal Pengajian Sejarah*, 1(1), 12–29. <https://doi.org/10.37134/munsysi.vol1.1.2.2023>

### Abstrak

Artikel ini membincangkan tentang pertelingkahan intra dan inter-etnik di selatan Filipina yang juga dikenali sebagai *rido*. *Rido* merujuk kepada pertikaian antara keluarga atau kerabat yang sering berlaku dalam masyarakat Maranao, yang melibatkan tindakan kekerasan, balas dendam antara keluarga atau kumpulan kekeluargaan. Konflik ini berpunca daripada persengketaan mengenai tanah, kuasa politik dan pilihan raya, maruah peribadi dan pelbagai isu yang lain. Tindakan *rido* berkait rapat dengan sistem nilai masyarakat Maranao khususnya konsep *maratabat* yang tertanam kukuh dalam tradisi dan budaya masyarakat. Justeru, setiap individu adalah bertanggungjawab untuk menjaga maruah dan nama keturunannya. Kajian ini bertujuan untuk menganalisis faktor pertelingkahan etnik di selatan Filipina khususnya yang melibatkan etnik Maranao. Kajian ini mendapat kelemahan dalam sistem keadilan telah meningkatkan lagi konflik *rido* kerana keluarga yang menjadi mangsa tidak mendapat pembelaan yang sewajarnya. Ia turut mendorong kepada penyelesaian alternatif yang berasaskan kepada sistem keadilan tradisional. Kajian awal ini menggunakan pendekatan kualitatif dengan menganalisis sumber sekunder dan beberapa sumber primer termasuk kaedah temu bual.

**Kata Kunci:** Maranao, *maratabat*, pertelingkahan etnik, *Rido*, *taritib ago igma*

### Abstract

*This article discusses intra- and inter-ethnic disputes in southern Philippines, also known as *rido*. *Rido* refers to conflicts between families or relatives that occur in the Maranao community, involving violent acts of revenge between families or kinship groups. These conflicts stem from disputes over land, political power and elections, personal honor, and other issues. *Rido* are closely related to the value system of the Maranao community, particularly the concept of *maratabat* deeply ingrained in the traditions and culture of the society.*

*Consequently, everyone is responsible for preserving the honor and reputation of their lineage. This study aims to analyze the dynamics of rido in the context of ethnic conflict in the southern Philippines, particularly involving the Maranao ethnic group. This study finds that weaknesses in the justice system have exacerbated rido conflicts because the victimised families do not receive appropriate defence. This also encourages alternative solutions based on the traditional justice system. This preliminary study employs a qualitative approach by analysing secondary sources and a few primary sources, including the use of the interview method.*

**Keywords:** Ethnic conflict, Maranao, maratabat, Rido, taritib ago igma

## PENGENALAN

Pertelingkahan intra dan inter-etnik di selatan Filipina yang juga dikenali sebagai *rido* memberi kesan kepada proses membina keamanan dan kestabilan di wilayah selatan Filipina. *Rido* memburukkan keadaan di wilayah selatan yang sememangnya bergolak akibat konflik antara kerajaan pusat dan gerakan Bangsamoro berhubung isu autonomi. Konflik bersenjata kerajaan pusat dan Bangsamoro yang berlanjutan selama lebih lima dekad bukan hanya menggugat keharmonian tetapi juga memberikan impak yang begitu besar terhadap kestabilan dan kemajuan wilayah yang diduduki oleh majoriti masyarakat Islam. Lantaran itu, pelbagai perjanjian damai dan rundingan diadakan antara kerajaan pusat dengan kumpulan pemisah seperti *Moro National Liberation Front* (MNLF) dan *Moro Islamic Liberation Front* (MILF). Pada ketika ini, usaha perdamaian tersebut semakin memperlihatkan perkembangan yang positif menerusi kejayaan penubuhan *Bangsamoro Autonomous Region in Muslim Mindanao* (BARMM). Meskipun kerajaan baharu yang menggantikan *Autonomous Region in Muslim Mindanao* (ARMM) itu masih dalam fasa awal melakukan reformasi dan penstrukturkan kerajaan autonomi, namun laporan semasa kerajaan tersebut menunjukkan perkembangan yang positif dan lebih berpotensi besar berbanding ARMM. Cabaran besar pasca pembentukan BARMM (lebih khusus lagi MILF) yang memimpin kerajaan interim tersebut bukan lagi mengangkat senjata bagi memerangi tentera kerajaan Filipina (*Armed Forces of the Philippines*) tetapi lebih kepada usaha menangani masalah *rido* yang melibatkan perbalahan antara intra-etnik dan inter-etnik di selatan Filipina. Makalah ini menganalisis faktor pertelingkahan etnik Maranao di selatan Filipina kesannya kepada aspek pentadbiran dan pihak yang terlibat di wilayah berkenaan.

### Konsep dan Budaya Rido di selatan Filipina

Sarjana memberikan takrifan yang pelbagai dalam mencirikan fenomena atau budaya *rido* dalam masyarakat Muslim di selatan Filipina khususnya daripada etnik Maranao. Istilah *rido* lebih banyak digunakan dalam masyarakat Maranao dan Iranun, sementara masyarakat Maguindanao (*tao salaya*) lebih banyak menggunakan istilah *ukag* yang bermaksud pergaduhan. Etnik Tausug pula menggunakan beberapa nama seperti *pagbanta*, *pagbunuh*, *mamauli*. Etnik Sama menggunakan istilah *pagbaus* manakala masyarakat Yakan menggunakan nama *kontara*.<sup>1</sup> Dalam bahasa Tagalog, ia merujuk kepada *ubusan ng lahi*. Nama lain yang digunakan termasuklah *rido*, *ridu* dan sebagainya mengikut dialek dan bahasa setempat. Meskipun menggunakan pelbagai istilah yang berbeza, namun kesemuanya merujuk kepada maksud yang serupa iaitu pergaduhan atau pertikaian sesama etnik atau berlainan etnik. Sebelum kemasukan kuasa penjajah di Filipina, masyarakat Maranao sudah memiliki sistem pentadbiran tradisionalnya yang tersendiri iaitu *Pat a Pangampong sa Ranao* (Kesultanan Lanao). Ia merupakan sistem Kesultanan Lanao yang bersifat kolektif iaitu merangkumi empat

negeri utama; Bayabao, Masiu, Unayan dan Balo. Wilayah kekuasaan kesultanan ini termasuklah Lanao del Sur dan Lanao del Norte, sebahagian kecil Zamboanga Del Sur, Bukidnon, Misamis Oriental, dan Maguindanao pada masa sekarang. Koleksi manuskrip pemerintah Maguindanao pada abad ke-18 mengandungi maklumat berhubung salasilah keluarga yang kompleks dan persaingan hebat antara keluarga berkenaan yang mempengaruhi kebangkitan dan kejatuhan kesultanan. Kerabat diraja dan ahli keluarganya saling bermusuhan antara sama lain demi menguasai tumpuk pemerintahan. Misalnya, konflik antara Sultan Bayan dan adiknya Manamir. Pertikaian tersebut akhirnya telah membawa kepada campur tangan kuasa Belanda dan Sepanyol yang masing-masing berpihak kepada Sultan Bayan dan Manamir. Pergaduhan ini berlanjutan sehingga sekurang-kurangnya dua generasi berikutnya pada abad ke-18.<sup>2</sup> Pertikaian dan konflik yang dicatatkan di dalam manuskrip berkenaan memperlihatkan ciri-ciri *rido* yang wujud dalam masyarakat Maranao.

Tujuan asal *rido* pada awalnya ialah bagi menjaga kebijakan sesama anggota keluarga dan kerabat keturunan tersebut daripada sebarang masalah dan kesusahan, namun ia lama-kelamaan berubah kepada satu bentuk tindakan yang lebih ekstrim iaitu dengan membala dendam secara bersenjata sehingga kepada tindakan membunuh individu atau pihak lawan. Setelah kemerdekaan Filipina, terdapat pelbagai faktor lain yang menyumbang kepada masalah *rido* di selatan Filipina termasuklah faktor sejarah, politik dan sosio-ekonomi. Budaya membala dendam ini amat sukar dihentikan kerana ia sudah menjadi adat dan apabila berlaku sesuatu pertikaian sehingga mengakibatkan kecederaan atau kematian, sanak saudara mangsa akan berasa bertanggungjawab untuk membala perbuatan tersebut.

Tindakan *rido* berkait rapat dengan sistem nilai masyarakat Maranao khususnya konsep *maratabat* (maruah keluarga) yang tertanam kukuh dalam tradisi dan budaya masyarakat Maranao. Konsep *maratabat* tersebut berkait rapat dengan tata kelakuan seseorang individu terhadap dirinya sendiri, keluarga dan hubungannya dengan orang lain. Sekiranya seseorang mengikut peraturan, maka beliau sewajarnya mendapat penghormatan dan balasan yang baik. Sebaliknya, jika terdapat individu yang melanggar tata kelakuan yang sepatutnya, maka beliau tidak layak dihormati mengikut norma *maratabat* tersebut terutamanya apabila melibatkan maruah diri dan keluarga. Bagi masyarakat yang berpegang teguh kepada prinsip *maratabat* ini, mereka lebih rela mati daripada dimalukan oleh pihak lain. Pada pandangan masyarakat Maranao, setiap individu bertanggungjawab untuk menjaga maruah dan nama keturunannya. Ekoran itu, *maratabat* mendorong semua ahli keluarga untuk turut serta di dalam semua peristiwa yang berlaku dalam kalangan mereka. Peristiwa kecil kadangkala merebak dan menjadi konflik yang besar ekoran daripada prinsip *maratabat*. Ia tidak dilihat sebagai sesuatu yang janggal kerana masyarakat Maranao berpegang dengan keyakinan bahawa ia adalah sebahagian daripada ajaran Islam. Ringkasnya, *rido* di wilayah selatan ini berpunca daripada pengimplementasian *maratabat* ekoran daripada sebahagian pandangan ekstrim masyarakat Maranao dalam mentafsir ajaran Islam berkaitan konsep menjaga maruah dan keturunan.

Tuntasnya, nilai kehormatan dan kebanggaan suku atau *maratabat* ini menjadi punca utama kes *rido* yang membawa kepada keganasan.<sup>3</sup> Marano bersikap sensitif terutamanya apabila maruah mereka dipertaruhkan. Justeru, pembunuhan ke atas pihak yang mencemari maruah mereka dianggap sebagai satu bentuk keadilan. Sebaik sahaja timbul sesuatu konflik, ahli keluarga dan kerabat terbabit akan mula digerakkan untuk membala dendam. Keluarga yang lemah biasanya akan menjadi sasaran pihak yang ingin membala dendam tersebut. Pergaduhan dan permusuhan tidak hanya melibatkan intra atau inter-etnik, bahkan turut melibatkan keluarga kecil. Misalnya, kes seorang ibu Maranao di Kapatagan yang mengarahkan anak saudaranya membunuh anak lelakinya sendiri ekoran daripada tindakan

anak lelakinya itu yang cuba menuntut tanah yang dimiliki oleh ibunya.<sup>4</sup> Dalam politik Maranao pula misalnya, masyarakat ini sangat dikenali dengan permusuhan tradisi antara puak Alonto dan puak Dimaporo. Jelasnya, *rido* berlaku dalam setiap unit sosial dalam kalangan etnik Maranao.

*Rido* dalam tradisi masyarakat Tausug, ia dikenali sebagai *mamauli* yang bermaksud mencari keadilan dengan menggunakan kekerasan untuk membala dendam ke atas keluarga atau suku yang mencemarkan kehormatan keluarga dan keturunannya. Meskipun ia jelas bertentangan dengan ajaran Islam namun bagi etnik Tausug yang sudah lahir dan hidup dalam suasana sistem yang sangat kuat kesetiaannya kepada salasilah keluarga serta pernah menjadi penguasa, maka tindakan tersebut amat sukar dipisahkan dan berpindah daripada satu generasi ke generasi yang lain. Misalnya permusuhan antara keluarga Muksan dan Sahidullah di Zamboanga sering dianggap sebagai puak Tausug yang berkuasa dan dihormati pada tahun 1970-an. Pengaruh keluarga ini seperti mana penyataan berikut;<sup>5</sup>

*"Their influences directly impacted the state of commerce in the region since they controlled the ports where imported goods from nearby countries of Indonesia and Malaysia passed without tariffs. Importers would seek these families for a right of entry for a subsequent fee, which was quite insignificant, compared to the regular port taxes."*

Berikutan daripada persaingan kuasa yang berlaku antara dua keluarga tersebut untuk menguasai aktiviti penyaludupan, pembunuhan telah dilakukan ke atas salah seorang ahli keluarga Sahidullah yang sangat berpengaruh ketika itu iaitu Timbalan Datuk Bandar Banguingui di Sulu. Akibat daripada pembunuhan tersebut, konflik *rido* tercetus dan ia berterusan selama lebih dari suku abad.

Seterusnya, Abhoud Syed M. Lingga mengaitkan tindakan membala dendam tersebut dengan konsep *kanaman*. Dalam kajiannya berhubung kedinamikan *rido*, beliau menyimpulkan bahawa tindakan membala dendam dilakukan apabila *kanaman* seseorang dilanggar, diganggu atau dinafikan oleh pihak lain. *Kanaman* bermaksud keyakinan peribadi seseorang untuk menegakkan integriti atau maruah keluarga dan mempertahankannya dengan apa-apa cara sekalipun.<sup>6</sup> Konsep *kanaman* tersebut sangat berkait rapat dengan konsep *maratabat* yang sangat mengutamakan maruah dan kehormatan diri. Jelasnya, *rido* merupakan pergolakan sosial yang berasaskan kepada norma dan pegangan tradisional yang diamalkan secara turun temurun dalam kalangan Maranao di wilayah selatan Filipina. Oleh itu, fenomena *rido* bukanlah satu masalah baru dalam kalangan masyarakat Islam (Bangsamoro) tersebut. Ia sudah menjadi sebahagian adat dan budaya masyarakat sejak sekian lama khususnya daripada etnik Maranao<sup>7</sup> yang sangat mengutamakan hubungan kekerabatan atau kekeluargaan dalam pelbagai aspek kehidupan mereka.

Masalah *rido* tidak hanya terhad dalam kalangan masyarakat di selatan Filipina bahkan ia berleluasa dan turut melibatkan etnik Muslim lain serta etnik bukan Muslim. *Rido* atau perbalahan antara etnik dan puak ini ialah kitaran dendam atau pembalasan yang mengakibatkan pembunuhan dalam kalangan keluarga dan puak Maranao di Lanao.<sup>8</sup> Ia lazimnya bermula dengan penghinaan atau tindakan mencederakan individu yang kemudiannya diikuti dengan tindak balas dan serangan daripada keluarga mangsa. Pergaduhan ini kadangkala berlarutan dalam tempoh yang lama. Sebagai contohnya, terdapat konflik yang berlanjutan sehingga tiga keturunan atau lebih ekoran daripada kegagalan untuk menyelesaikannya dengan segera semasa konflik meletus.

Keterlibatan Muslim dan bukan Muslim dalam *rido* memburukkan keadaan di selatan Filipina. Selain kefahaman tentang *maratabat, mamauli dan kanaman*, pelbagai faktor lain menyumbang kepada *rido* atau tindakan membala dendam ini. Antaranya termasuklah berpunca daripada konflik dalam pilihan raya, perebutan tanah, maruah peribadi, jenayah seksual, rompakan, pembunuhan, perselisihan faham dan seumpamanya. Namun, punca utama yang merekodkan kes tertinggi bagi masalah *rido* ini ialah berkaitan perbalahan ketika pilihan raya sama ada di peringkat wilayah, perbandaran hingga ke peringkat *barangay* atau kampung.

Budaya *rido* dan politik keluarga di Filipina (juga disebut sebagai *regional culture*) turut menjadi penyebab kepada kewujudan pasukan tentera persendirian (*private army*) dalam kalangan ahli politik yang berpengaruh, pemilik tanah yang kaya dan pihak yang memiliki hubungan yang istimewa dengan kerajaan pusat di Manila.<sup>9</sup> Dianggarkan terdapat lebih daripada 100 pasukan tentera persendirian (bersaiz besar dan kecil) yang beroperasi di seluruh Filipina terutamanya di kawasan luar bandar dan di kawasan yang aktif pemberontakan.<sup>10</sup> Masalah menjadi bertambah rumit apabila pihak yang bertelagah mengadakan pakatan dengan keluarga dan kumpulan bersenjata lain seperti MNLF atau MILF. Malahan, kebebasan memiliki pasukan tentera persendirian ini telah mengakibatkan peristiwa *rido* paling besar di Filipina iaitu *Ampatuan Massacre* pada bulan November 2009.

*Rido* memberikan kesan yang besar kepada usaha mewujudkan keamanan di selatan Filipina. Pergaduhan sesama etnik dan berlainan etnik menganggu keharmonian dan kestabilan masyarakat dan turut mengakibatkan kemerosotan ekonomi masyarakat Islam. Perkembangan ini dirumitkan lagi dengan konflik antara kerajaan pusat dan gerakan pemisah di selatan Filipina yang menyebabkan sistem pentadbiran di wilayah selatan tidak tersusun. Ini merujuk kepada pertindihan pentadbiran hibrid di antara pihak kerajaan dengan pemimpin tradisional di wilayah tersebut. Ekoran daripada kepincangan tersebut, sistem keadilan di wilayah selatan tidak berkesan untuk menangani masalah *rido* yang tercetus.

Jelasnya, konsep dan budaya yang mendasari kehidupan masyarakat di selatan Filipina berpunca daripada amalan tradisi dan disuburkan oleh perkembangan semasa di kawasan berkenaan. Sifat *rido* adalah kompleks dan dinamikanya sentiasa berubah berasaskan kepada konteks, lokasi, dan pihak yang terlibat secara spesifik.

### **Konflik *Rido* di selatan Filipina**

Meskipun kemerdekaan merupakan satu episod yang dinanti-nantikan oleh penduduk bagi sesebuah negara yang dijajah, namun ia tidak semestinya menggambarkan keadaan di selatan Filipina. Sebelum era penjajahan wilayah tersebut dikuasai oleh beberapa kerajaan Islam seperti Kerajaan Sulu, Kerajaan Maguindanao dan Konfederasi Lanao atau lebih dikenali sebagai *Pat a Pangampong sa Ramao*. Kemasukan kuasa penjajah yang dimulai dengan kolonial Sepanyol dan kemudiannya Amerika Syarikat telah membantutkan perkembangan Islam sekaligus mengakhiri pemerintahan kerajaan Islam secara beransur-ansur. Engseng Ho dalam kajiannya menggambarkan tentang penjajahan dan kesannya penduduk di selatan Filipina sebagai *experienced centuries of imperial violence without the benefits of colonial administration*<sup>11</sup>. Jelasnya penjajahan hanya meninggalkan kesan yang buruk dan namun penduduk di wilayah tersebut tidak menerima sebarang pembangunan atau manfaat daripadanya.

Walaupun mereka melalui pelbagai kesukaran ekoran penjajahan, perjuangan kemerdekaan Filipina secara revolusi yang dipimpin oleh Emilio Aguinaldo tidak direstui oleh Kesultanan Sulu dan wakil penduduk Islam Filipina lain di Mindanao. Ia disebabkan oleh perbezaan sejarah, budaya, agama, sistem politik dan kebimbangan mereka akan dipinggirkan daripada negara yang didominasi oleh penduduk Kristian.<sup>12</sup> Mereka sebaliknya menuntut daripada pihak kolonial Amerika Syarikat agar diberikan autonomi pemerintahan dan kerajaan berasingan daripada penduduk Kristian tersebut. Harapan tersebut tidak tercapai kerana Filipina memperoleh status kemerdekaan daripada Amerika Syarikat bersama-sama dengan wilayah di selatan Filipina dan Kepulauan Sulu. Keadaan ini menyebabkan, Filipina merdeka sebagai sebuah negara republik berpresiden dengan perlombagaan demokratik, namun organisasi kesultanan milik kerajaan Islam masih kekal di selatan Filipina walaupun ia tidak mendapat pengiktirafan secara rasmi.

Perkembangan tersebut memberi kesan besar kepada kestabilan di selatan Filipina. Konflik tercetus dengan kerajaan pusat dan masalah sosioekonomi tidak dapat dielakkan. Kedua-dua perkara ini adalah faktor utama yang menyebabkan wilayah selatan Filipina lebih terdedah kepada kes *rido*. Ketidakstabilan politik, kelemahan dalam pentadbiran dan sistem perundungan telah membuka ruang yang besar kepada peningkatan kes *rido* di wilayah tersebut. Menurut Darwin Absari, kes keganasan yang melibatkan kumpulan pengganas seperti Maute pada awalnya bermula daripada *rido*. Persengketaan keluarga berlaku akibat daripada ketidakpuasan hati keluarga Maute yang kehilangan bidaan dalam satu projek.<sup>13</sup> Ekoran daripada keinginan membala dendam terhadap musuhnya, keluarga Maute melakukan keganasan dan cuba mengambil alih bandar selatan Marawi pada tahun 2017. Kekacauan semakin meluas apabila wujudnya penglibatan pihak lain selain daripada keluarga Maute. Misalnya, sebahagian pengikut *Abu Sayyaf Group* (ASG) yang turut serta berikutan daripada keinginan mereka untuk membala dendam terhadap ahli keluarga mereka yang terkorban dalam pergaduhan etnik. *Rido* berkembang sehingga membawa kepada perang antara puak yang mengorbankan banyak nyawa ekoran daripada mudahnya para penduduk mendapatkan akses kepada bekalan senjata api.

Dalam aspek sosioekonomi, isu kemiskinan turut menjadi penyebab kepada penularan masalah *rido* dalam kalangan masyarakat di selatan Filipina. Dari segi pendapatan isi rumah, Maguindanao diklasifikasikan sebagai sebuah wilayah kelas kedua.<sup>14</sup> Wilayah kelas kedua merujuk kepada bandar yang didiami oleh penduduk yang mempunyai pendapatan yang sederhana. Provinsi Lanao del Sur contohnya yang merekodkan jumlah kes *rido* tertinggi berbanding kawasan lain. Sepanjang tahun 1930-an hingga 2005, Lanao del Sur mencatatkan kes *rido* tertinggi iaitu sebanyak 377 kes.<sup>15</sup> Walau bagaimanapun, angka tersebut tidak menggambarkan jumlah sebenar kes *rido* yang berlaku secara tepat kerana kebanyakan kes *rido* tidak dilaporkan kepada pihak berkuasa.<sup>16</sup>

Konflik *rido* di selatan Filipina didorong oleh kepincangan yang berlaku ekoran daripada penyerahan kuasa pemerintahan di kawasan yang dimiliki oleh kerajaan milik orang Muslim kepada kerajaan republik Filipina. Kepincangan dalam aspek politik turut menggugat perkembangan sosio-ekonomi dan ia menyebabkan timbulnya pelbagai konflik yang menyumbang kepada tercetusnya *rido* di selatan Filipina. Bahagian seterusnya membincangkan faktor utama yang membawa pertelingkahan di antara keluarga dan suku di selatan Filipina.

### Punca-Punca Utama Persengketaan antara Keluarga dan Suku

Sebagaimana yang dibincangkan dalam subtopik sebelum ini, terdapat pelbagai faktor pencetus *rido* dalam kalangan penduduk di selatan Filipina. Ia merujuk kepada keinginan mempertahankan maruah keluarga, keselamatan dan membala dendam. Dalam budaya masyarakat Tausug, Thomas Kiefer menjelaskan ia meliputi pelbagai kewajipan seperti dalam aspek politik dan ekonomi.<sup>17</sup> Begitu juga dalam tradisi masyarakat Kalinga dan Ifugao yang menekankan hubungan kekerabatan hingga menyebabkan setiap individu dalam keluarga atau suku akan berasa bertanggungjawab untuk memberikan bantuan semasa krisis dan membala dendam.<sup>18</sup>

Antara punca utama *rido* termasuklah pertikaian politik dan pilihan raya, perebutan ke atas tanah, isu berkaitan dadah, jenayah yang melibatkan wanita dan jenayah seksual, isu hutang, rompakan dan sebagainya. Kawasan yang aktif dengan aktiviti pemberontakan lebih terdedah dengan masalah *rido*. Keluarga yang menjadi mangsa konflik dipengaruhi oleh desakan dan tekanan daripada saudara-mara dan rakan-rakan mereka yang mendorong agar segera dilakukan pembalasan untuk menuntut keadilan demi mempertahankan maruah dan kehormatan keluarga mereka.

### Pertikaian Politik dan Pilihan Raya

Kebanyakan kes *rido* berpunca daripada isu politik dan pilihan raya dan ia menyebabkan banyak kes kematian. Isu politik dan pilihan raya ini melibatkan pertikaian politik di peringkat wilayah, perbandaran dan *barangay*. Terdapat sebanyak 337 kes *rido* direkodkan terjadi di Lanao del Sur dari tahun 1994 hingga 2004. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 52 kes dikenalpasti berpunca daripada isu politik dan pilihan raya. Jumlah tersebut membuktikan bahawa sentimen politik menyumbang jumlah tertinggi dalam kes *rido* yang berlaku. Jumlah berkenaan semakin bertambah dalam tahun 2012, apabila terdapat 266 kes *rido* yang melibatkan pilihan raya telah dilaporkan.<sup>19</sup>

Selain pilihan raya, konflik *rido* turut dicetuskan oleh kepentingan politik atau ekonomi. Dalam beberapa kes *rido* yang dilaporkan, keinginan untuk menguasai sumber alam seperti tanah atau kuasa politik dilihat sebagai punca pertikaian. Selain kegagalan, kejayaan dalam pilihan raya juga menyumbang kepada *rido*. Kemenangan di dalam pilihan raya dianggap boleh meningkatkan dan mengukuhkan *maratabat* seseorang dan kerabatnya.<sup>20</sup> Ia ditambah lagi dengan tradisi *patronage* dan *family dynasties* dalam budaya berpolitik Filipina.<sup>21</sup> Kesemua prinsip ini menyumbang kepada meningkatnya sensitiviti dalam kalangan masyarakat. Ia membuka ruang kepada kemunculan pelbagai kemelut sosioekonomi di selatan Filipina. Perkembangan sedemikian turut meningkatkan keyakinan penduduk tentang keperluan untuk menguasai politik. Politik dianggap sebagai batu loncatan yang menyediakan jalan keluar daripada belenggu kemiskinan, diskriminasi dan monopoli oleh elit politik Filipina yang sudah lama menguasai ekonomi dan politik Filipina. Pemikiran sebegini secara tidak langsung menyuburkan *maratabat* dan meningkatkan risiko terjadinya *rido* di selatan Filipina.

Manfaat kewangan dan jawatan politik juga menarik anggota masyarakat untuk terlibat dalam politik. Sebelum wujudnya peruntukan *Internal Revenue Allotment* (IRA) tidak ramai individu yang berminat untuk menjadi calon dalam pilihan raya peringkat *barangay*. Namun, sejak peruntukan IRA diberikan, semakin ramai yang berminat bertanding dalam pilihan raya tersebut sekaligus meningkatkan kes *rido* di wilayah tersebut.<sup>22</sup> Ini kerana persaingan yang sengit dalam kalangan calon yang mahu bertanding di dalam pilihan raya menyebabkan

berlakunya insiden pembunuhan. Terdapat ahli keluarga yang sanggup berbunuhan sesama sendiri demi jawatan dan peruntukan wang tersebut.

Pertikaian politik dikeruhkan lagi dengan budaya politik yang tidak sihat dalam masyarakat Maranao. Ini dapat dikesan sejak daripada bermulanya kempen pilihan raya, pendaftaran calon sehingga pengiraan undi. Ketidakpuasan hati mudah tercetus kerana wujudnya "pengundi terbang" atau "pengundi hantu", pembelian undi dan pelbagai bentuk penyelewengan lain dalam pilihan raya.<sup>23</sup> Keadaan ini membuka lebih banyak ruang kepada pergaduhan dan pertikaian sehingga mengakibatkan masalah *rido* yang berpanjangan. Antara kes *rido* yang mendapat perhatian dan liputan meluas dalam pelbagai media antarabangsa ialah kes *Ampatuan Massacre*.<sup>24</sup> Peristiwa ini turut dikenali sebagai *Maguindanao Massacre*. Ia merupakan bukti kepada kelemahan sistem pentadbiran kerajaan pusat yang berpaksikan kepada budaya *political dynasty*. Dalam peristiwa pada bulan November 2009 tersebut, seramai 58 orang terbunuh termasuklah 34 orang wartawan. Ia berlaku ekoran serangan daripada keluarga Ampatuan terhadap musuh politiknya iaitu Esmael Mangudadatu. Dalam kes *rido* berkenaan, Timbalan Datuk Bandar, Esmael Mangudadatu kehilangan isteri dan sanak saudaranya ketika mereka dalam perjalanan menuju ke pejabat *Commission on Elections* (COMELEC) di Shariff Aguak bagi memfailkan pencalonan beliau dalam pilihan raya menentang Andal Ampatuan Jr.

Ketika serangan dan pembunuhan tersebut, dianggarkan keluarga Ampatuan memiliki lebih 5000 jenis senjata. Selain daripada 5000 senjata berkenaan, pihak berkuasa menemui pelbagai jenis senjata lama ketika siasatan dijalankan berkaitan kes tersebut.<sup>25</sup> Selain itu, pihak berkuasa juga mendapati bahawa sejumlah besar kelengkapan senjata di sekitar rumah Andal Ampatuan, Sr. dan Jr. Ini merujuk kepada 1000 jenis senjata yang meliputi senjata pemusnah kereta kebal, mortar, mesingan, pistol automatik, senapang penembak tepat serta puluhan ribu peluru.<sup>26</sup> Senjata lengkap itu dibekalkan oleh tentera dan polis Filipina. Ia dianggap sebagai satu bentuk keistimewaan yang diberikan kepada mana-mana pegawai kerajaan Filipina. Sehubungan itu, mereka bebas untuk membeli bekalan senjata api tanpa had serta tidak perlu melaporkan pembelian senjata tersebut kepada pihak kerajaan. Kuasa dan keistimewaan politik menjadikan mereka dihormati. Pegawai Barangay dalam ulasannya kepada Ampatuan menyatakan;<sup>27</sup>

*"The Ampatuans are viewed as almost God, very powerful. A single word is enough to frighten the people, whatever they ask is done... Their arms make them powerful. They kill people"*

Selain senjata, Ampatuan juga mempunyai pasukan tentera khas. Serangan yang dilakukan dalam peristiwa *Ampatuan Massacre* contohnya dilaksanakan oleh pasukan tentera khas Ampatuan. Ahli pasukan tentera khas Ampatuan itu terdiri daripada anggota pasukan separa tentera kerajaan Filipina iaitu *Civilian Volunteer Organization* (CVO), *Police Auxiliary Unit*, *Citizen Armed Force Geographical Unit* (CAFGU) atau *Special CAFGU Active Auxiliary*.<sup>28</sup> Pengadilan kepada kes *Ampatuan Massacre* dilakukan sepuluh tahun selepas peristiwa tersebut. Keputusan perbicaraan di mahkamah pada 19 Disember 2019 menyatakan bahawa 28 orang didapati bersalah dan dijatuhkan hukuman penjara selama 40 tahun (tanpa parol), sementara 15 orang lagi dipenjarakan selama enam hingga 10 tahun kerana bersabahat, manakala 55 orang lagi dibebaskan.<sup>29</sup> Keputusan mahkamah ini memperlihatkan realiti berhubung pengaruh politik dan kuasa di selatan Filipina.

Pembunuhan besar-besaran oleh keluarga Ampatuan tersebut bukanlah jenayah pertama. Ia hanyalah salah satu daripada pelbagai jenis aktiviti jenayah kejam yang dilakukan oleh keluarga ini. Antara jenayah yang dikaitkan dengan keluarga ini adalah pembunuhan kanak-

kanak. Kes *Ampatuan Massacre* tidak menghentikan aktiviti jenayah mereka. Bahkan aktiviti jenayah kekal berterusan meskipun selepas peristiwa *Ampatuan Massacre* yang mendapat perhatian media antarabangsa.

Pertikaian politik tidak hanya melibatkan pilihan raya di peringkat wilayah, perbandaran maupun *barangay*, bahkan ia turut melibatkan pertikaian atau perebutan kuasa dalam sistem pentadbiran tradisional masyarakat Maranao sendiri. Pertikaian terhadap pelantikan sultan yang baharu turut mencetuskan *rido* yang serius kerana setiap individu memiliki calon sultan pilihan masing-masing. Jika sultan yang dilantik itu memiliki pertalian atau hubungan dengan keluarganya, maka ia dikatakan dapat memberikan kelebihan dan manfaat yang besar kepada ahli keluarga dan kerabatnya.<sup>30</sup> Dengan itu, ahli keluarga dan sanak saudara memberikan perhatian khusus kepada perlantikan sultan.

#### Pertikaian ke atas Tanah

Sejak zaman tradisional Masyarakat Maranao memiliki konsep dan sistem tanah yang tersendiri. Antaranya ialah sistem tanah yang bersifat komunal. Namun, sistem tanah komunal tersebut tidak diiktiraf oleh kerajaan Filipina. Selain tanah komunal, masyarakat Marano juga memiliki tanah persendirian. Namun secara tradisinya, nama pemilik tanah tersebut tidak didaftarkan secara rasmi dan pengiktirafan hak pemilikan adalah melalui perwarisan secara turun-temurun daripada keluarga masing-masing. Sehubungan itu hak pemilikan tanah hanya diketahui secara lisan oleh para waris tanpa sebarang pengesahan secara bertulis atau rasmi. Amalan ini menimbulkan pertikaian dalam era pentadbiran moden di bawah kerajaan Filipina. Sehubungan itu, pertikaian ke atas tanah menjadi faktor kedua tertinggi yang menyumbang kepada kes *rido* di Lanao del Sur selepas isu politik dan pilihan raya.<sup>31</sup> Pada tahun 2012 kes *rido* yang melibatkan isu pertikaian tanah di Filipina dilaporkan sebanyak 373 kes.

Pertikaian berlaku apabila generasi tua meninggal dunia dalam kalangan masyarakat Maranao. Pertindihan konsep dan amalan sistem tanah tradisional dan moden telah merumitkan lagi keadaan. Sebagai contohnya, seorang petani dibunuh oleh keluarganya yang menuntut hak ke atas tanah petani tersebut di Lantawan, Basilan. Pembunuhan tersebut mencetuskan *rido* apabila anak lelaki petani tersebut kemudiannya bertindak balas dengan membunuh beberapa orang ahli keluarga pembunuh ayahnya.<sup>32</sup> Selain isu hak milik tanah yang tidak mempunyai rekod bertulis, pertikaian ke atas tanah juga berpunca daripada sempadan tanah yang tidak ditanda, ketiadaan wasiat dan keengganan memakai hukum Islam dalam pembahagian tanah pusaka (hukum faraid). Di samping itu pertikaian hak pemilikan tanah juga berpunca daripada rampasan tanah oleh waris yang lebih kaya yang mengambil kesempatan daripada keadaan waris yang lain buta huruf atau miskin. Proses pemilikan tanah berdasarkan budaya tradisi menyebabkan wujudnya pertikaian yang berpunca daripada masalah ketiadaan bukti dokumen perjanjian penjualan tanah, pajakan, sewa, cagaran, peminjaman tanah, atau pinjaman yang berlaku dalam kalangan mereka.

Konflik *rido* berkaitan tanah turut melibatkan kumpulan pemisah MILF dan MNLF. Misalnya dalam kes *rido* akibat pertikaian tanah pada tahun 2012, dua kumpulan pemisah tersebut telah berperang antara satu sama lain. Pertikaian tersebut berpunca daripada dua orang individu yang bertelagah mengenai isu tanah dan mereka mempunyai pertalian saudara dengan kumpulan pemisah tersebut, masing-masing daripada MILF dan MNLF. Disebabkan pegangan yang kuat terhadap konsep *maratabat*, maka kedua-dua kumpulan pemisah tersebut bertindak mempertahankan maruah keluarga dan kampung mereka. Kesan daripada pertempuran tersebut telah merebak dari Maguindanao hingga ke wilayah utara Cotabato dan mengakibatkan enam

orang terbunuh dan 300 keluarga dipindahkan.<sup>33</sup> Dalam hal ini, salah seorang pemimpin tertinggi MILF, Ghazali Jaafar turut mengakui bahawa MILF mempunyai kesukaran yang besar untuk menghalang tenteranya sendiri daripada bergaduh apabila ahli keluarga MILF sendiri terlibat dalam konflik.<sup>34</sup>

### **Kelemahan dalam Sistem Keadilan: Kerajaan Filipina vs Kepimpinan Tradisional**

Meskipun Filipina menggunakan sistem kerajaan republik berpresiden dengan struktur pentadbiran yang tersusun, namun tidak semua wilayah di Filipina mematuhi sepenuhnya sistem pentadbiran dan kehakiman daripada kerajaan pusat. Sistem keadilan di Filipina misalnya antara yang sering menjadi topik perbincangan utama dalam membahaskan pertindihan pelbagai bentuk sistem keadilan tradisional dan daripada kerajaan pusat (moden). Kebanyakan penduduk Mindanao yang terlibat dalam konflik *rido* tidak mempercayai kredibiliti sistem keadilan dan kehakiman kerajaan menerusi perbicaraan kes di mahkamah. Selain itu, mereka tidak berminat untuk menyelesaikan masalah tersebut mengikut perundungan Filipina kerana masalah kos guaman yang terlalu tinggi dan proses perbicaraan yang memakan masa terlalu lama.<sup>35</sup> Kebanyakan keluarga mangsa yang memfailkan kes di mahkamah berhadapan dengan pengalaman yang tidak menyenangkan terutamanya mereka yang berasal daripada golongan miskin. Tanpa dana kewangan yang mencukupi, mereka tidak mampu mendapatkan keadilan menerusi perbicaraan di mahkamah.<sup>36</sup>

Selain daripada isu kewangan dan masa, kelemahan penguatkuasaan undang-undang dan ketenteraman awam oleh pasukan polis juga merupakan masalah yang mengekang penularan konflik *rido*. Ini kerana, kebanyakan pihak berkuasa khususnya pihak polis mengakui bahawa mereka lebih cenderung untuk tidak masuk campur dengan puak yang bertelagah dan hanya akan menjadi pengantara apabila kes *rido* tersebut mencapai tahap yang kritikal dan memberi kesan terhadap masyarakat sekitarnya.<sup>37</sup> Pendekatan polis dan pihak berkuasa ini juga didorong oleh budaya memberikan taat setia kepada kepada ahli politik tertentu di kawasan yang berada di bawah kawalan polis tersebut. Justeru, pihak berkuasa tempatan tidak berfungsi dalam mengekang berlakunya *rido*.

Selain itu hukuman penjara ke atas pesalah *rido* juga tidak membawa kepada penyelesaian masalah. Ini kerana, meskipun pesalah tersebut menjalani hukuman penjara, namun setelah selesai hukuman, mereka lazimnya tidak menghentikan pertikaian dan konflik yang terjadi. Perbuatan *rido* lazimnya berlaku sebaik sahaja individu tersebut keluar dari penjara. Kebiasaanannya, bekas banduan tersebut akan kembali mencari mangsa atau keluarganya untuk membalas dendam.<sup>38</sup> Kelemahan dalam tata kelola yang efektif dan mekanisme penyelesaian konflik ditambah pula dengan norma budaya dan pegangan yang kuat terhadap konsep *maratabat* menyebabkan konflik sesama etnik dan konflik berlainan etnik di selatan Filipina sukar ditangani. Oleh itu, kebanyakan masyarakat Maranao tidak mengemukakan kes *rido* ke mahkamah Filipina kerana perbuatan tersebut dianggap boleh menjatuhkan maruah berikutnya kegagalan mereka menghukum pembunuhan tersebut dengan tangan mereka sendiri.<sup>39</sup>

Sehubungan itu, pihak yang mahu mendapatkan penyelesaian bagi kes *rido* lebih cenderung memilih institusi keadilan tradisional Maranao sebagai platform terbaik untuk menyelesaikan persengketaan mereka.<sup>40</sup> Masyarakat Maranao mempunyai keyakinan yang lebih tinggi terhadap institusi tradisional. Ia disebabkan kurangnya kawalan dan ketiadaan pentadbiran yang berkesan daripada pihak kerajaan terhadap wilayah Mindanao seperti Lanao del Sur. Tambahan pula, kelompok pemimpin tradisional mempunyai kedudukan yang tinggi dan masih dihormati oleh penduduk tempatan. Selain itu, terdapat usaha untuk memperkuuhkan peranan

institusi tradisional Maranao menerusi organisasi yang dikenali sebagai *Rido Inc.*, sejak tahun 2007. Ia bertujuan untuk menyelesaikan masalah *rido* dengan lebih efektif.

Antara strategi yang dilakukan oleh *Rido Inc.*, bagi menyelesaikan masalah *rido* ialah dengan mengukuhkan hubungan antara etnik menerusi penulisan serta pengisahan semula salasilah etnik (*clan*) bagi menonjolkan persamaan keturunan dan nenek moyang antara pihak yang bertelagah.<sup>41</sup> Ia juga bertujuan untuk menyedarkan pihak terlibat bahawa mereka memiliki tali persaudaraan dan tidak wajar untuk mereka saling mencederakan atau membunuh antara satu sama lain. Tindakan sedemikian bertujuan untuk memupuk keharmonian dan menamatkan pertikaian antara pihak yang bertelagah. Demi mencapai tujuan berkenaan, *Rido Inc.* telah menyusun dan membina semula salasilah keturunan pihak yang bertelagah. Misalnya, Kesultanan Marawi iaitu daripada keluarga Sidikadatu, Maruhom Sidik dan Balindong Jaman.<sup>42</sup> Selain itu, *Rido Inc.* juga menyediakan salasilah Kesultanan Madaya terutamanya dua jalur salasilah utama iaitu keluarga Sarip Batua dan Datu A Petheelan. Secara umumnya, salasilah Maranao adalah kompleks kerana mereka memiliki sultan yang ramai dalam satu masa yang sama. Selain itu, struktur suku/puak dalam salasilah masyarakat Maranao bersifat luwes, fleksibel dan boleh dirunding terutamanya pada peringkat sub-suku yang lebih kecil. Salasilah lengkap yang disediakan oleh *Rido Inc.* dijadikan rujukan apabila konflik *rido* muncul antara pihak yang mempunyai pertalian darah. Keluarga yang bertelagah tersebut dimaklumkan bahawa mereka memiliki pertalian darah/persaudaraan, maka mereka dinasihatkan agar saling memaafkan antara satu sama lain serta mengukuhkan kembali pertalian etnik mereka. Seterusnya selepas mengenalpasti persamaan dalam salasilah, rundingan tidak formal dengan pelantikan pemimpin tradisional atau orang yang lebih tua dan dihormati sebagai pengantara atau perunding diadakan dengan tujuan untuk mencapai persefahaman dan mengakhiri pertelingkahan.

Secara umumnya, *Rido Inc.* berfungsi sebagai organisasi yang memberikan alternatif yang baik dalam menyelesaikan konflik *rido*. Namun, sokongan dan galakan terhadap pemimpin tradisional secara tidak langsung menambahkan pertindihan kuasa pentadbiran khususnya dengan ARMM (kemudiannya dikenali sebagai BARMM).<sup>43</sup> Ini kerana dengan mengoptimumkan peranan pemimpin tradisional, ia sekaligus menjadi persaing kuasa kepada BARMM. Justeru, pengukuhan terhadap institusi pentadbiran tradisional (kesultanan) berpotensi sebagai ancaman dalam usaha memperkasakan peranan BARMM sebagai kerajaan yang bertanggungjawab menyelesaikan segala isu dan permasalahan pentadbiran di Mindanao dan Kepulauan Sulu serta wilayah-wilayah yang berada dalam autonominya. Perkembangan ini berpotensi untuk melanjutkan lagi kelemahan dalam tadbir urus kerajaan autonomi di selatan Filipina.

Selain itu, pendekatan etno-nasionalisme yang digunakan oleh *Rido Inc.* dalam menangani konflik dan pertikaian *rido* secara tidak langsung mengekalkan kelangsungan kitaran ganas dalam masyarakat di selatan Filipina. *The Asia Foundation* dalam laporannya menyatakan bahawa pengukuhan budaya berasaskan puak dan identiti etnik akan memberikan pelbagai kesan sosial yang antaranya akan mengukuhkan *systems of structural violence*.<sup>44</sup> Pendekatan etno-nasionalisme ini juga turut mengukuhkan kumpulan etnik dan meningkatkan pengaruh pemimpin tradisional dalam kalangan Maranao. Ini kerana pemimpin tradisional menjadi tonggak dalam sistem keadilan tradisional semasa proses perdamaian sedang dijalankan. Secara tidak langsung pemimpin tradisional dilihat sebagai pelindung kepada kebijakan rakyat melalui sifat adil dan saksama mereka. Antara nilai penting masyarakat Maranao yang menjadi teras kepada proses perdamaian dalam konflik *rido* ialah *Kanggiginawae* (menekankan kepentingan persahabatan) dan *Kapamagogopa* (membantu antara satu sama lain) demi

mewujudkan masyarakat yang aman damai.<sup>45</sup> Pemimpin tradisional termasuklah daripada Kesultanan Sulu, Maguindanao, Lanao dan Marawi yang beranggapan bahawa mereka masih memiliki legitimasi kuasa meskipun tidak mendapat pengiktirafan rasmi daripada kerajaan Filipina. Kerajaan pusat pula, meskipun tidak mengiktiraf kesultanan Islam secara rasmi, namun masih menerima dan menghormati kedudukan kesultanan dan pemimpin tradisional tersebut. Sultan Marawi (Asgar Sani) misalnya mengisyiharkan dirinya sebagai pengurus Majlis Kesultanan:<sup>46</sup>

*"... aside from being the present Chairman of the Ranao 28 Legislative Sultanates Council (Bebaya-baya ko Taritib sa Inged a Ranao) and likewise serving as Convenor/Acting Chairman of the newly organized Federation of Royal Sultanates of the Philippines, with humility, I was able to extend the influence and diplomacy of the Philippine Sultanate to the frontiers of the Malay World where Sultanates originally started as part of the global Islamization process."*

Jelasnya pendekatan etno-nasionalisme ini cuba menonjolkan peranan pemimpin tradisional dalam menyelesaikan kemelut yang berlaku dalam pihak yang bertelagah di selatan Filipina. Proses perdamaian tidak rasmi yang dikendalikan oleh pemimpin tradisional melibatkan sultan, dan juga wakil daripada pihak yang bertelagah. Wakil tersebut lazimnya individu yang lebih tua dan sangat dihormati dalam etnik terlibat. Ia juga mempunyai pihak pengantara atau perunding yang berperanan untuk membantu dalam merangka perjanjian perdamaian bertulis. Lazimnya perjanjian perdamaian sedemikian mengandungi penyataan bahawa kedua-dua keluarga terlibat saling memaafkan dan melupakan permusuhan antara mereka.<sup>47</sup> Selain itu, selari dengan penggunaan salasilah oleh *Rido Inc.* pihak bertelagah dinasihatkan supaya mengingati hubungan baik yang pernah terjalin sebelum ini dan kekal bersatu di bawah keluarga besar etnik yang sama. Perjanjian tersebut kebiasaannya dilakukan bersama dan disusuli dengan majlis *kanduli* bagi meraikan perdamaian yang dicapai.

Rundingan perdamaian lazimnya diikuti dengan kesepakatan dalam menentukan jumlah bayaran diyat atau *blood money* oleh pihak yang bersalah sebagai ganti kepada kerugian dan kecederaan yang dialami mangsa.<sup>48</sup> Diyat merupakan bayaran gantirugi kepada kematian atau kecederaan sama ada secara sengaja atau tidak sengaja kepada mangsa yang terlibat. Di Filipina diyat turut dikenali sebagai *kandiat, bangun* dan *bangon*. Jumlah diyat tidak tetap sepertimana dijelaskan melalui petikan berikut;

*The amount of blood money can vary depending on the nature of the dispute, the number of deaths, and the socio-economic status of the parties. The amount usually results from the negotiations between the mediator and the parties involved. In some areas, the amount of blood money is based on the ordinances enacted by the local government. In one municipality in Basilan, the prescribed amount is P120,000. The amount can be reduced depending on the case. Among the Maranao, the usual amount exacted is P120,000 for every casualty. In Lanao del Sur, any injury that results in blood loss, even if just a drop, costs P50,000.<sup>49</sup>*

Bayaran diyat merupakan salah satu hukuman yang paling berat bagi jenayah *rido*. Kebiasaannya kes yang melibatkan pembunuhan dikenakan bayaran pampasan antara 50,000.00 peso hingga 140,000.00 peso. Bayaran diyat juga kadangkala diminta bagi menanggung kos perbelanjaan pengurusan jenazah mangsa yang meninggal dunia. Dalam kes yang lain, diyat turut dibayar jika pembunuhan dilakukan secara tidak sengaja meskipun lazimnya ia tetap akan berakhir dengan pembunuhan yang lain.<sup>50</sup> Ringkasnya, pelaksanaan

diyat tidak semestinya menjadi penyelesaian, terutamanya apabila pihak yang bersalah tidak mampu membuat bayaran denda yang diputuskan atau keluarga mangsa enggan menerima diyat tersebut. Sebahagian perunding juga beranggapan bayaran diyat bukanlah penyelesaian muktamad kerana tiada jaminan bahawa *rido* akan berakhir setelah bayaran itu dibuat.<sup>51</sup> Menurut Thomas M. Kiefer:

*"Cases of homicide or assault are often settled by the payment of blood money to the family of the victim. While there is usually negotiation over the exact amount, in no sense is blood money regarded as a substitute for the vindication of the shame of the victim's kinsmen. Blood money is usually only accepted after there has been some attempt, even if unsuccessful, to seek revenge as a means of demonstrating their character as persons of honor."*<sup>52</sup>

Bayaran diyat tersebut kadangkala hanya dilihat sebagai simbolik bagi memudahkan proses berlakunya kemaafan dan pemulihan emosi dan mental daripada pihak yang menjadi mangsa. Amalan diyat tersebut juga tidak selari dengan undang-undang rasmi negara namun ia merupakan keperluan dalam budaya masyarakat Mindanao khususnya yang masih berpandukan kepada *taritib ago igma*.

*Taritib ago igma* berfungsi sebagai panduan perundangan kepada masyarakat Maranao walaupun ia adalah undang-undang adat secara lisan yang diwarisi secara turun-temurun dan tiada dalam bentuk bertulis. Ia dianggap undang-undang peribumi bagi *Pat a Pangampong sa Ranao*. *Taritib ago igma* diambil daripada perkataan Arab iaitu *tartīb* (ترتیب) dan *ijmā'* (جماع). *Taritib ago igma* ini menerapkan undang-undang Islam yang disesuaikan dengan adat dan budaya masyarakat tempatan. Penduduk tempatan lebih cenderung memilih sistem keadilan tradisional daripada tradisi etnik mereka dalam menyelesaikan isu *rido*. Inisiatif turut dilakukan bagi mengukuhkan *taritib ago igma* bagi menyelesaikan masalah *rido*. *Kali* iaitu seorang hakim tempatan yang adil, sempurna budi pekerti dan mempunyai pengetahuan mengenai *taritib ago igma* bertanggungjawab mengadili perbicaraan.<sup>53</sup> Penggunaan *taritib ago igma* juga signifikan dalam proses rundingan atau dialog dengan pihak-pihak yang bertelahag dengan pengantara pemimpin tradisional. Jelasnya, meskipun perlombagaan dan sistem perundangan Filipina menjadi asas kepada pentadbiran negara, adat tradisi lebih signifikan dalam kehidupan masyarakat Muslim di selatan Filipina.

Perkembangan berhubung kelemahan sistem kehakiman, peranan *Rido Inc.* dan pentadbiran tradisional pendapat Moctar I. Matuan yang diutarakan pada 2007 masih relevan. Beliau berpendapat bahawa institusi keadilan tradisional di Lanao lebih kukuh dan relevan berbanding sistem pentadbiran dan keadilan daripada pihak kerajaan.<sup>54</sup> Fenomena ini berterusan kerana pendekatan yang digunakan oleh kerajaan pusat yang lazimnya tidak memberikan kawalan maksimum kepada kawasan yang kes *rido* yang tinggi seperti di Lanao del Sur.<sup>55</sup> Justeru, pemimpin tradisional memainkan peranan dengan menyediakan pernyelesaian alternatif kepada *rido*. Ekoran itu, masyarakat Maranao mendesak kerajaan pusat untuk mengiktiraf kesultanan tradisional seperti Kesultanan Marawi.<sup>56</sup> Tuntutan pengiktirafan dikemukakan dengan tanggapan bahawa ia akan membantu mengurangkan kes *rido*. Bagi kerajaan pusat permohonan tersebut adalah punca pertindihan kuasa eksekutif di antara pihak BARMM dan institusi tradisional. Keadaan ini menyebabkan pentadbiran autonomi yang diberikan oleh kerajaan pusat kepada BARMM tidak efektif dan kurang berkesan.

## KESIMPULAN

Masalah *rido* dianggap sebagai virus kerana mendatangkan pelbagai kepincangan kepada masyarakat dalam aspek ekonomi, politik dan perkembangan sosial lainnya. Pihak yang terlibat dalam masalah *rido* menghadapi kesukaran untuk bergerak dari satu tempat ke tempat lain dan juga sukar untuk bekerja dengan tenang. Pegangan terhadap faham *maratabat* telah mengikat setiap anggota masyarakat untuk saling mempertahankan maruah dan kepentingan keluarga dengan membala dendam terhadap individu yang mencemarkan maruah keluarga dan suku mereka sehingga menjadikan *rido* semakin berleluasa. Ia diburukkan lagi dengan sokongan kerajaan pusat terhadap politik keluarga dan bantuan persenjataan kepada para penyokongnya. Di peringkat perundangan pula, kelemahan sistem perundangan dan keadilan Filipina menyebabkan penduduk beralih kepada kaedah penyelesaian tradisional dengan bantuan pemimpin tradisional untuk menyelesaikan konflik *rido*. Perlembagaan dan perundangan rasmi diketepikan dan *taritib ago igma* dirujuk sebagai panduan perundangan masyarakat Maranao dalam proses penyelesaian konflik. Implementasi sistem perundangan tradisional ini secara beransur-ansur telah mengukuhkan lagi kedudukan sultan-sultan yang kehilangan kuasa mereka sejak penjajahan dan kemerdekaan Filipina. Mereka juga turut menuntut daripada kerajaan pusat agar kuasa mereka dikembalikan seperti sebelum ini secara rasmi. Ringkasnya, usaha mengekang *rido* di selatan Filipina hanya akan berkesan sekiranya penduduk di kawasan berkenaan bersedia mengabaikan cara hidup dan pemikiran tradisional mereka.

## PENGHARGAAN

Artikel ini merupakan sebahagian daripada projek penyelidikan di bawah Geran Jangka Pendek (No. Projek: 304/PJJAUH/6315766) daripada Universiti Sains Malaysia.

## RUJUKAN

- Adam, J. & Boer, D. V. 2015. Conflict Mediation and Traditional Authority in the Province of Lanao del Sur, Mindanao. JSRP Paper 26, *Theories in Practice Series*.
- ABS-CBN News. 13 Jun 2017. The Mautes and Marawi City: A Family's Quest for Vengeance. <https://news.abs-cbn.com/focus/06/13/17/the-mautes-and-marawi-city-a-familys-quest-for-vengeance>
- Barton, R. F. 1949. *The Kalingas: Their Institutions and Custom Law*. Chicago: University of Chicago Press.
- Benitez, T. V. 1969. *The politics of Marawi*. Monograph series 4. Manila: University of the Philippines Press.
- Baradas, D. B. 1973. Ambiguities in Maranao Social Rank Differentiation. *Philippine Sociological Review*, 21 (3 & 4), 273–278.
- Covenant Peaceful Settlement, National Police Commission, Philippine National Police, Sulu Provincial Police Office, 4 September 2004.
- Cruz, C., Labonne, J. & Querubín, P. 2017. Politician Family Networks and Electoral Outcomes: Evidence from the Philippines. *The American Economic Review*, 107 (10), 3006-3037.
- Durante, O. L., Gomez, N. T., Sevilla, E. O. & Mañego, H. J. 2007. Management of Clan Conflict and Rido Among the Tausug, Maguindanao, Maranao, Sama, and Yakan Tribes dalam Wilfredo Magno Torres III (ed.), *Rido. Clan feuding and conflict management in Mindanao*. Manila: The Asia Foundation, 97 - 125.

- Ho, Engseng. 2004. Empire through Diasporic Eyes: A View from the Other Boat. *Comparative Study of Society and History*, 46 (2), 210 - 246.
- International Human Rights Watch. 2010. "They Own the People": *The Ampatuans, State-Backed Militias, and Killings in the Southern Philippines*. United States of America: Human Rights Watch.
- Kiefer, T. M. 1972. *The Tausug: Violence and Law in a Philippine Moslem Society*. New York: Holt, Rinehart & Winston, Inc.
- Kreuzer, P. 2005. *Political clans and violence in the southern Philippines*. (PRIF Reports, 71). Frankfurt am Main: Hessische Stiftung Friedens- und Konfliktforschung.
- Kim, Dong-Yeob. 2018. Transforming Western Democracy in Southeast Asia: The Case of Lanao del Sur, the Philippines. *International Journal of Asia Pacific Studies (IJAPS)*, 14 (1), 107 - 132.
- Lingga, Abhoud Syed M. 2007. Dynamics and Management of Rido in the Province of Maguindanao dalam: *Rido: Clan Feuding and Conflict Management in Mindanao*, Manila: The Asia Foundation, 50 - 70.
- Lopez, A. C. (t.t). Familiar and Familial Politics in Maguindanao. *Halalan UP*. <http://halalan.up.edu.ph/index.php/viewpoints/by-professors/110-familiar-and-familialpolitics-in-maguindanao>
- McCoy, A. W. (Ed.). 2009. *An Anarchy of Families: State and Family in the Philippines*. Madison: University of Wisconsin Press.
- Matuan, M. I. 2007. Inventory of Existing Rido in Lanao del Sur (1994 –2004) dalam: Wilfredo Magno Torres III (ed.), *Rido. Clan feuding and conflict management in Mindanao*. Manila: The Asia Foundation, 71 - 96.
- Republic of the Philippines, Regional Trial Court, National Capital Judicial Region, Branch 221, Quezon City, 19 Disember 2019.
- Rido Inc. 2007. *Kalilintad. The Maranao Clan Organization: A Road to Peace and Development*. The Official Publication of the Reconciliatory Initiatives for Development Opportunities (RIDO) Inc. Maiden, Isu Disember.
- Ruhanas Harun. 2017. Konflik Selatan Filipina: Isu, Cabaran dan Penyelesaian. *Journal of Nusantara Studies*, 2 (2).
- Sidel, J. T. 2004. Bossism and Democracy in the Philippines, Thailand, and Indonesia: Towards an Alternative Framework for the Study of 'Local Strongmen' dalam: Harriss, John, Stokke, Kristin & Tornquist, Olle, (eds.) *Politicising Democracy: the New Local Politics of Democratisation*. International political economy series. Palgrave Macmillan, Basingstoke, UK, 51-74.
- Strachan, A. L. 2015. *Conflict Analysis of Muslim Mindanao*. Birmingham, UK: GSDRC, University of Birmingham.
- Sarmiento, L. C., Deona, V. P. & et. al (eds.). 2013. *Preventing Rido. A Practical Guide for the Police and Other Community Peacekeepers*. Filipina: Philippine National Office & The Asia Foundation.
- Social Weather Stations*. SWS Media Release, 24 Februari 2005.
- Sullivan, R. E. 1986. *Maguindanaon Dictionary*. Cotabato City: Notre Dame University, Institute of Cotabato Cultures.
- Torres, W. M. (ed.), 2007. *Rido. Clan Feuding and Conflict Management in Mindanao*. Manila: The Asia Foundation Torres.
- The Asia Foundation. 2012. *The Asia Foundation on the Gender Dynamics of Conflict in Mindanao*. Philippines: Leslie Dwyer and Rufa Cagoco-Guiam.
- Tadem, T. S. E. & Tadem, E. C. 2016. Political Dynasties in the Philippines: Persistent Patterns, Perennial Problems. *South East Asia Research*, 24 (3), 328–340.
- Temubual dengan Bai Putri Morayah Amil, 25 April 2023.

- <sup>1</sup> Abhoud Syed M. Lingga. 2007. Dynamics and Management of Rido in the Province of Maguindanao dalam: *Rido: Clan Feuding and Conflict Management in Mindanao*, Manila: The Asia Foundation, h. 53.
- <sup>2</sup> Ariel Cusi Lopez. (t.t). Familiar and Familial Politics in Maguindanao. *Halalan UP*. <http://halalan.up.edu.ph/index.php/viewpoints/by-professors/110-familiar-and-familialpolitics-in-maguindanao>
- <sup>3</sup> Rido Inc., *Kalilintad. The Maranao Clan Organization: A Road to Peace and Development*, h. 9. Walau bagaimanapun, tidak semua kes keganasan merupakan ekspresi daripada faham maratabat.
- <sup>4</sup> Ofelia L. Durante, Norma T. Gomez, Ester O. Sevilla dan Howard J. Mañego. 2007. Management of Clan Conflict and Rido Among the Tausug, Maguindanao, Maranao, Sama, and Yakan Tribes dalam Wilfredo Magno Torres III (ed.), *Rido. Clan feuding and conflict management in Mindanao*. Manila: The Asia Foundation, h. 107.
- <sup>5</sup> Lina C. Sarmiento, Victor P. Deona & et. al (Eds.). 2013. *Preventing Rido. A Practical Guide for the Police and Other Community Peacekeepers*. Filipina: Philippine National Office & The Asia Foundation, h. 62.
- <sup>6</sup> Robert E. Sullivan. 1986. *Maguindanaon Dictionary*. Cotabato City: Notre Dame University, Institute of Cotabato Cultures. Lihat juga Abhoud Syed M. Lingga, Dynamics and Management of Rido in the Province of Maguindanao, h. 53.
- <sup>7</sup> Istilah Maranao juga merujuk kepada etnik yang tinggal di kawasan Tasik Lanao.
- <sup>8</sup> Rido Inc. 2007. *Kalilintad. The Maranao Clan Organization: A Road to Peace and Development*. The Official Publication of the Reconciliatory Initiatives for Development Opportunities (RIDO) Inc. Maiden, Isu Disember, h. 9.
- <sup>9</sup> Fenomena ini tidak hanya tertumpu di selatan Filipina sahaja bahkan turun menjadi kebiasaan penduduk di wilayah lain di Filipina.
- <sup>10</sup> International Human Rights Watch. 2010. "They Own the People": *The Ampatuans, State-Backed Militias, and Killings in the Southern Philippines*. United States of America: Human Rights Watch, h. 6.
- <sup>11</sup> Engseng Ho. 2004. Empire through Diasporic Eyes: A View from the Other Boat. *Comparative Study of Society and History*, 46 (2), h. 237.
- <sup>12</sup> Lihat juga Ruhanas Harun. 2017. Konflik Selatan Filipina: Isu, Cabaran dan Penyelesaian. *Journal of Nusantara Studies*, 2 (2), h. 69.
- <sup>13</sup> Darwin Absari merupakan pensyarah di *Institute of Islamic Studies, University of the Philippines*. ABS-CBN News. 13 Jun 2017. The Mautes and Marawi City: A Family's Quest for Vengeance. <https://news.abs-cbn.com/focus/06/13/17/the-mautes-and-marawi-city-a-familys-quest-for-vengeance>
- <sup>14</sup> Abhoud Syed M. Lingga, Dynamics and Management of Rido in the Province of Maguindanao, h. 50.
- <sup>15</sup> Wilfredo Magno Torres (Ed.), 2007. *Rido. Clan Feuding and Conflict Management in Mindanao*. Manila: The Asia Foundation Torres, p. 16.
- <sup>16</sup> Sehingga kini budaya *rido* masih berleluasa khususnya di Mindanao. Ketika dalam bulan Ramadhan tahun ini iaitu ketika umat Islam sedang menjalani ibadah puasa, banyak keluarga yang terlibat dalam pergaduhan dan ramai mangsa yang terjejas. Sehari selepas Hari Raya Eid al-Fitri iaitu pada 22 April 2023, pihak-pihak yang bertelah kembali mengangkat senjata sehingga beberapa jalan tidak dapat digunakan ekoran daripada konflik bersenjata yang berpunca daripada *rido*. Temubual dengan Bai Putri Morayah Amil, 25 April 2023.
- <sup>17</sup> Thomas M. Kiefer. 1972. *The Tausug: Violence and Law in a Philippine Moslem Society*. New York: Holt, Rinehart & Winston, Inc. h. 28.
- <sup>18</sup> Roy Franklin Barton. 1949. *The Kalingas: Their Institutions and Custom Law*. Chicago: University of Chicago Press, h. 69.
- <sup>19</sup> Lina C. Sarmiento, Victor P. Deona & et. al (Eds.), *Preventing Rido. A Practical Guide for the Police and Other Community Peacekeepers*, h. 9.
- <sup>20</sup> Benitez, T. V. 1969. *The politics of Marawi*. Monograph series 4. Manila: University of the Philippines Press, h. 44. Lihat juga Teresa S Encarnacion Tadem & Eduardo C. Tadem. 2016. Political Dynasties in the Philippines: Persistent Patterns, Perennial Problems. *South East Asia Research*, 24 (3), 328–340.
- <sup>21</sup> Cesi Cruz, Julien Labonne & Pablo Querubín. 2017. Politician Family Networks and Electoral Outcomes: Evidence from the Philippines. *The American Economic Review*, 107 (10), h. 3006-3037; Alfred W. McCoy (Ed.). 2009. *An Anarchy of Families: State and Family in the Philippines*. Madison: University of Wisconsin Press. Lihat juga John T. Sidel. 2004. Bossism and Democracy in the Philippines, Thailand, and Indonesia: Towards an Alternative Framework for the Study of 'Local Strongmen' dalam: Harriss, John, Stokke, Kristin & Tornquist, Olle. (eds.), *Politicising Democracy: The New Local Politics of Democratisation. International political economy series*. Palgrave Macmillan, Basingstoke, UK, h. 51-74.
- <sup>22</sup> Moctar I. Matuan. 2007. Inventory of Existing Rido in Lanao del Sur (1994 –2004) dalam: Wilfredo Magno Torres III (ed.), *Rido. Clan feuding and conflict management in Mindanao*. Manila: The Asia Foundation, h. 79.

- <sup>23</sup> Dong-Yeob Kim. 2018. Transforming Western Democracy in Southeast Asia: The Case of Lanao del Sur, the Philippines. *International Journal of Asia Pacific Studies* (IJAPS), 14 (1), h. 125.
- <sup>24</sup> Keluarga Ampatuan memperoleh pengaruh dan kuasa daripada kerajaan Filipina sejak tahun 1980-an. Keluarga Ampatuan sering dilantik menjadi pegawai-pegawai kerajaan termasuklah sebagai Gabenor ARMM. Pengaruh dan kuasa Ampatuan semakin berkembang ketika era pentadbiran Presiden Gloria Macapagal Arroyo.
- <sup>25</sup> International Human Rights Watch, "They Own the People", *The Ampatuans, State-Backed Militias, and Killings in the Southern Philippines*, h. 64.
- <sup>26</sup> *Ibid.*, h. 5.
- <sup>27</sup> *Ibid.*, h. 25; Temuramah Pegawai Barangay di ARMM, 19 Februari, 2010
- <sup>28</sup> *Ibid.*, h. 5.
- <sup>29</sup> Kesemua tertuduh utama juga diperintahkan membayar denda dan ganti rugi kepada waris. Republic of the Philippines, Regional Trial Court, National Capital Judicial Region, Branch 221, Quezon City, 19 Disember 2019. h. 750 - 761.
- <sup>30</sup> Baradas, D. B. 1973. Ambiguities in Maranao Social Rank Differentiation. *Philippine Sociological Review*, 21 (3 & 4), h. 277.
- <sup>31</sup> Moctar I. Matuan, Inventory of Existing Rido in Lanao del Sur (1994 –2004), h. 79-80.
- <sup>32</sup> Ofelia L. Durante, Norma T. Gomez, Ester O. Sevilla & Howard J. Mañego, Management of Clan Conflict and Rido Among the Tausug, Maguindanao, Maranao, Sama, and Yakan Tribes, h. 107.
- <sup>33</sup> Anna Louise Strachan. 2015. *Conflict Analysis of Muslim Mindanao*. Birmingham, UK: GSDRC, University of Birmingham, h. 14.
- <sup>34</sup> Peter Kreuzer. 2005. *Political clans and violence in the southern Philippines*. (PRIF Reports, 71). Frankfurt am Main: Hessische Stiftung Friedens- und Konfliktforschung, h. 22.
- <sup>35</sup> Menurut Matuan, "Not a single rido was settled by the Philippine justice system". Lihat Moctar I. Matuan, Inventory of Existing Rido in Lanao del Sur (1994 –2004), h. 81 & 93.
- <sup>36</sup> Rido Inc., *Kalilintad. The Maranao Clan Organization: A Road to Peace and Development*, h. 9.
- <sup>37</sup> Lina C. Sarmiento, Victor P. Deona & et. al (Eds.), *Preventing Rido. A Practical Guide for the Police and Other Community Peacekeepers*, h. 3.
- <sup>38</sup> Rido Inc., *Kalilintad. The Maranao Clan Organization: A Road to Peace and Development*, h. 9.
- <sup>39</sup> *Ibid.*, h. 9.
- <sup>40</sup> Jeroen Adam & Dorien Vanden Boer. 2015. Conflict Mediation and Traditional Authority in the Province of Lanao del Sur, Mindanao. JSRP Paper 26, *Theories in Practice Series*, h. 12.
- <sup>41</sup> Rido Inc., *Kalilintad. The Maranao Clan Organization: A Road to Peace and Development*, h. 8.
- <sup>42</sup> *Ibid.*
- <sup>43</sup> Inisiatif ini bermula pada 2019 akibat kebanyakannya dari masalah *rido* berlaku di wilayah ARMM, *Social Weather Stations*. SWS Media Release, 24 Februari 2005.
- <sup>44</sup> The Asia Foundation. 2012. *The Asia Foundation on the Gender Dynamics of Conflict in Mindanao*. Philippines: Leslie Dwyer and Rufa Cagoco-Guiam.
- <sup>45</sup> Rido Inc., *Kalilintad. The Maranao Clan Organization: A Road to Peace and Development*, h. 8.
- <sup>46</sup> *Ibid.*, h. 5.
- <sup>47</sup> Terdapat perjanjian perdamaian secara rasmi dalam bentuk bertulis khususnya yang penyelesaiannya dibantu oleh pihak tentera atau kerajaan tempatan. Terdapat beberapa elemen dalam surat perjanjian tersebut seperti kandungan ayat suci Al-Quran yang menyentuh tentang persaudaraan sesama Islam, nama pihak-pihak yang terlibat, nama pihak perunding atau juru damai, jumlah wang ganti rugi (*blood money*), saksi, tarikh dan tandatangan pihak-pihak yang terlibat. Misalnya lihat surat perjanjian antara Madan Dapiasan dan Ugak Hapas, Covenant Peaceful Settlement, National Police Commission, Philippine National Police, Sulu Provincial Police Office, 4 September 2004.
- <sup>48</sup> Jeroen Adam & Dorien Vanden Boer, Conflict Mediation and Traditional Authority in the Province of Lanao del Sur, Mindanao, h. 12-13.
- <sup>49</sup> Ofelia L. Durante, Norma T. Gomez, Ester O. Sevilla dan Howard J. Mañego, Management of Clan Conflict and Rido Among the Tausug, Maguindanao, Maranao, Sama, and Yakan Tribes, h. 116.
- <sup>50</sup> Thomas M. Kiefer, *The Tausug: Violence and Law in a Philippine Moslem Society*, h. 57.
- <sup>51</sup> Ofelia L. Durante, Norma T. Gomez, Ester O. Sevilla dan Howard J. Mañego, Management of Clan Conflict and Rido Among the Tausug, Maguindanao, Maranao, Sama, and Yakan Tribes, h. 116.
- <sup>52</sup> Thomas M. Kiefer, *The Tausug: Violence and Law in a Philippine Moslem Society*, h. 104.
- <sup>53</sup> Lina C. Sarmiento, Victor P. Deona & et. al (Eds.), *Preventing Rido. A Practical Guide for the Police and Other Community Peacekeepers*, h. 19.
- <sup>54</sup> Moctar I. Matuan, Inventory of Existing Rido in Lanao del Sur (1994 –2004), h. 71-97.
- <sup>55</sup> Jeroen Adam & Dorien Vanden Boer, Conflict Mediation and Traditional Authority in the Province of Lanao del Sur, Mindanao, h. 12.

<sup>56</sup> Rido Inc., *Kalilintad. The Maranao Clan Organization: A Road to Peace and Development*, h. 24. Lihat juga Jeroen Adam & Dorien Vanden Boer, Conflict Mediation and Traditional Authority in the Province of Lanao del Sur, Mindanao, h. 13.